

01 AUG 2003

Keadilan-Lancar

PARTI KEADILAN RAKYAT DILANCAR AHAD INI

SHAH ALAM, 1 Ogos (Bernama) -- Parti Keadilan Rakyat, hasil penggabungan dua parti pembangkang iaitu Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) akan dilancarkan dengan nama baru Parti Keadilan Rakyat Ahad ini.

Setiausaha Agungnya Abdul Rahman Osman berkata, majlis itu adalah satu manifestasi daripada gagasan politik baru yang cuba ditawarkan kepada rakyat Malaysia iaitu politik yang tidak berasaskan kepada satu kaum budaya atau agama.

"Majlis tersebut juga akan memperkenalkan barisan pemimpin utama parti yang menggabungkan pemimpin Keadilan dan PRM. Selain itu lagu rasmi Parti Keadilan Rakyat bertajuk 'Kami Arus Perjuangan' akan diperdengarkan," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau berkata kira-kira 2,000 anggota telah mengesahkan kehadiran mereka pada majlis itu yang terdiri daripada pimpinan atasan pakatan pembangkang, pemimpin kedua-dua parti, badan bukan kerajaan, duta asing, penyokong dan pejuang reformasi.

Mengenai pendaftaran parti gabungan itu dengan Pendaftar Pertubuhan, Abdul Rahman berkata setakat ini permohonan tersebut yang dihantar lapan bulan lepas telah sampai ke peringkat akhir proses untuk diluluskan. Kami optimis mendapat kelulusan tersebut tetapi masanya belum diketahui."

Beliau berkata tidak timbul masalah pendaftaran kerana daripada segi undang-undang kedua-dua parti itu telah berdaftar.

Katanya, tiga pemimpin utama yang akan memberi ucapan pada majlis berkenaan ialah presiden Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, timbalan presiden Dr Syed Hussin Ali dan beliau sendiri sebagai setiausaha agung.

Parti gabungan ini mempunyai keanggotaan 205,000 iaitu 170,000 anggota dari Keadilan dan 35,000 dari PRM.

Sementara itu katanya, satu dialog belanjawan pakatan pembangkang akan diadakan di ibu pejabat parti itu pada 9 Ogos ini, yang akan dibentangkan kepada rakyat, sebelum pembentangan Belanjawan atau Bajet 2004 oleh Menteri Kewangan dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Parlimen yang dijangka pada 12 Sept ini.

-- BERNAMA

SHS BK